

Pertandingan akhir program kesenian interkolej

UMS Siri 1 2018

UB 24.5.2018 B2

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Pertandingan Kesenian Interkolej Siri I, Sesi 2018 peringkat akhir bagi tiga kategori iaitu Kategori Nasyid Berkumpulan, Kategori Busking dan Kategori Tarian Moden, yang diadakan di Pentas Dewan Kuliah Pusat 1, UMS.

Objektif pertandingan kesenian interkolej ini adalah untuk mencungkil bakat-bakat yang ada kalangan pelajar UMS dalam pelbagai bidang seni untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu juga Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP ingin meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar UMS.

Menurut Ketua JHEP Ahmadi Nurdin, pertandingan seperti ini menarik minat mahasiswa mahasiswi UMS untuk menyerahkan bakat yang mereka ada di mana pertandingan pada malam ini diadakan serentak untuk ketiga-tiga kategori yang dipertandingkan dan ini menggalakkan penyertaan mereka.

Pada masa akan datang diharap pertandingan ini diadakan secara terbuka agar mendapat penyertaan yang lebih ramai lagi.

Para pelajar juga berpeluang untuk menunjukkan bakat yang mereka ada kepada masyarakat luar apabila tamat belajar kelak.

Pemenang pertandingan nasyid, johan ialah Kolej Kediaman Tun Mustapha, naib johan disandang Kolej Kediaman Tun Fuad dan tempat ketiga dimenangi oleh Kolej Kediaman Usia

1 Borneo.

Manakala bagi kategori pertandingan busking, johan dimenangi oleh Kolej Kediaman Sri Angkasa, naib johan dimenangi Kolej Kediaman Tun Fuad dan tempat ketiga dimenangi oleh Kolej Kediaman E.

Untuk kategori tarian moden, johan dimenangi oleh Kolej Kediaman E, naib johan dimenangi Kolej Kediaman Tun Fuad dan tempat ketiga dimenangi Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Pemenang-pemenang mengikut kategori masing-masing membawa pulang sebuah trofi, sijil dan hamper.

Juri-juri jemputan yang hadir pada malam itu adalah terdiri daripada staf UMS dan juri jemputan luar iaitu Mohd Mujahid Halpi, Ezyree Jakaria, Alumni UMS dan Nooraliza Sukarno, Jabatan Penerangan Sabah bagi juri pertandingan nasyid, Harun Tambiri, Ali Jamin dan Azmidy@Awangku Daday Ag Tangah bagi juri pertandingan busking manakala juri bagi pertandingan tarian moden, Ahmad Rafiandie Awang Ahmad, Dave@Quenner Mitchell Pauzi dan Izzi Hasfierul Hashim.

Tetamu yang hadir pada malam pertandingan itu ialah Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof Dr. Ismail Ali, Ketua JHEP Ahmadi Nurdin, pengetua-pengetua/felo Kolej Kediaman, Wijaya Kamal Ramlan, Mohd Hilmey Saili dan Jumrat Minsun, Alan James, Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP pegawai-pegawai dan staf JHEP serta para pelajar UMS.